



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kuala Lumpur, 11 Januari 2023

Kempen “Share The Love, Share The Golden Break” KitKat® Mengeratkan Kasih Sayang Semasa Tahun Baru Cina Menangi Hadiah Bernilai Lebih RM350K Menerusi Peraduan “Win Gold” KitKat®

Perayaan Tahun Baru Cina bakal tiba. Inilah masanya untuk berehat dan meluangkan masa bersama rakan dan keluarga setelah melalui pelbagai cabaran dalam tahun sebelumnya. KitKat® Nestlé melancarkan kempen perayaan “**Share The Love, Share The Golden Break**” dengan menawarkan pelbagai produk Tahun Baru Cina yang menarik, menampilkan **KitKat® Gold Edisi Terhad** dan peluang memenangi hadiah terkumpul bernilai RM350,000 termasuk jongkong emas tulen KitKat®.

Dalam budaya masyarakat Cina, Tahun Arnab dianggap sangat bertuah kerana mereka yang dilahirkan di bawah tanda zodiak ini merupakan seorang yang cintakan pendamaian, periang dan ramah mesra. Ciri-ciri ini mencerminkan semangat Tahun Baru Cina serta aspirasi KitKat® iaitu “*Have a break, Have a KitKat®*” dalam menggalakkan saat-saat yang bermakna, mengeratkan hubungan kasih sayang, kebersamaan dan waktu santai bersama rakan dan keluarga semasa musim perayaan.

Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad menjelaskan bahawa kempen “**Share The Love, Share The Golden Break**” bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim melalui perkongsian detik-detik bersama KitKat®. “Mencari hadiah yang sesuai bukanlah satu perkara yang mudah terutamanya apabila mencari hadiah yang bermakna. Coklat terbukti dapat merangsang emosi gembira. Maka KitKat® secara konsisten memperbaharui produk coklatnya untuk dijadikan hadiah yang menarik supaya semua orang boleh menikmati sambutan Tahun Baru Cina dengan keenakan dan keseronokan, bersama orang tersayang,” menurut Juan lagi.

Sempena kempen Tahun Baru Cina, **KitKat® Gold Edisi Terhad** menawarkan kombinasi lazat wafer rangup yang disaluti dengan dua lapisan coklat susu dan dipadankan dengan perisa karamel yang enak kepada para pengguna. KitKat® Gold dibawakan dalam bungkusan berwarna emas dan merah yang melambangkan tuah dan kemakmuran dengan motif perhiasan perayaan bagi menjadikannya hadiah yang sesuai untuk dikongsi dan ‘cele-break’ bersama rakan dan keluarga.

Pilihan coklat KitKat® Tahun Baru Cina dibawakan dalam pelbagai pakej menarik – antaranya **Tin Hadiah Arnab Tahun Baru Cina KitKat®** yang menampilkan replika

coklat arnab berisi kepingan wafer KitKat® hancur yang rangup. **Pek hadiah 'Celebreat'** menawarkan pelbagai pilihan coklat KitKat® yang digemari ramai manakala **Pek Mini KitKat® 9g** disertakan dengan beg kembara menarik berinspirasi KitKat® dan Tahun Baru Cina.

Bersempena dengan kempen **"Share The Love, Share The Golden Break"**, KitKat® telah menganjurkan pameran promosi selama 5 hari bertempat di LG2 Central Avenue, Sunway Pyramid. Pengunjung boleh menyertai pelbagai aktiviti yang menarik, sampel coklat KitKat® dan sertai peraduan **"Win Gold"** KitKat®.

Peraduan **"Win Gold"** KitKat®, yang kini berlangsung selama 8 minggu sehingga 20 Februari 2023, menawarkan hadiah-hadiah bernilai lebih RM350,000, termasuk Hadiah Utama iaitu 8 unit jongkong emas tulen KitKat® 4-Jejari dan 8 unit jongkong emas tulen KitKat® 2-Jejari bersaiz sebenar untuk dimenangi. Hadiah-hadiah terdiri daripada:

- 1x pemenang mingguan Hadiah utama: Jongkong Emas 4-Jejari KitKat® bernilai RM16,500 setiap satu
- 1x pemenang mingguan Hadiah pertama: Jongkong Emas 2-Jejari KitKat® bernilai RM8,500 setiap satu
- 3x pemenang mingguan Hadiah istimewa: RM888
- 88x pemenang mingguan Hadiah mingguan: RM188

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.nestle.com.my/brands/confectionery>, FB di <https://www.facebook.com/KitKatMalaysia> dan IG di www.instagram.com/KitKatMalaysia

Mengenai KITKAT Nestlé

Dicipta pada tahun 1935, KITKAT menjadi sebahagian daripada rangkaian produk konfeksi Nestlé pada tahun 1988, dan telah berkembang menjadi satu daripada jenama terbesar Nestlé. Snek ringan ini merupakan salah satu jenama coklat kegemaran Malaysia dan dieksport ke 14 negara di seluruh dunia. KITKAT Nestlé merupakan jenama konfeksi global pertama menggunakan 100% koko yang diperolehi secara lestari menerusi Pelan Koko Nestlé.

Ungkapan "Have a break, have a KITKAT" (Berehat sebentar, Bersama KITKAT) menggambarkan dengan tepat misi KITKAT – untuk membantu anda berehat sebentar apabila anda paling memerlukannya. Raikan saat-saat keseronokan, kespontanan, kelazatan, nikmat, dan ganjaran bersama KITKAT. Sama ada anda terbenam dalam timbunan kertas dan fail kerja atau anda bekerja seperti jentera, anda boleh menikmati kudapan manis ini, yang diperbuat daripada 100% koko lestari, pada bila-bla masa, di mana-mana sahaja dan dengan apa jua cara. KITKAT ialah produk buatan tempatan 100% Halal yang dikeluarkan di kilang Nestlé yang disahkan Halal di Chembong, Negeri Sembilan.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi.

Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6456

Bimbit: +60 12 235 6865

E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Shahira Amiera

Perspective Strategies

Tel: +603 7491 3138

Bimbit: +60 12 644 0510

E-mel: shahira.amiera@perspective.com.my